

BH / 27-01-2010 / ms 14 Firdaus menang undi tertinggi di UMT

Oleh Nor Aznida Alias
bhkt@bharian.com.my

PILIHAN raya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menyaksikan penuntut tahun dua Fakulti Pengajian Maritim, Mohd Firdaus Md Sayed, 23, sebagai calon Umum meraih undi tertinggi bagi sesi 2009/2010 yang berlangsung di kampus itu, Ahad lalu.

Penuntut Sains Samudera itu menerima undian sebanyak 1,619, mengatasi 10 calon lain dan akan bertanding bagi merebut jawatan tertinggi iaitu Yang Dipertua MPP bersama empat calon Umum lain iaitu Nurul Fatin Fatma Ali (1,618 undi), Mohd Zhafri Mohd Saidi (1,542) dan

Nur Atifah Abdul Karim (1,368). Mohd Firdaus berkata, walaupun gembira kerana mendapat undian tertinggi dalam pemilihan berkenaan, namun dia berasa gusar apabila memikirkan cabaran dan tanggungjawab berat bakal digalas dalam memperjuangkan kebajikan rakan seperjuangannya pada masa depan.

Katanya, fokus utama ialah membentuk perpaduan di kalangan mahasiswa UMT yang dilihat rapuh sehingga menyebabkan sesuatu agenda yang diperjuangkan tidak mendapat maklum balas sewajarnya daripada pihak atasan universiti.

"Di UMT sendiri terdapat lebih 70 persatuan dan saya percaya sekiranya semua bersatu, suara kami akan lebih didengari dan sesuatu isu yang

diperjuangkan lebih mendapat perhatian.

"Justeru, MPP dan mahasiswa perlu bergerak bersama dalam satu barisan bagi memperjuangkan kebajikan bersama terutama isu berhubung aspek keselamatan, kebersihan kampus dan harga makanan yang agak mahal di kafe UMT," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Mohd Firdaus berkata, kepercayaan yang diberikan pengundi adalah satu amanah yang besar dan tanggungjawab ini akan dilaksanakan sebaik mungkin.

Kemenangan itu kata beliau bukanlah sesuatu untuk dibangga-banggakan. Kepercayaan ini perlu dijaga dan dilaksanakan penuh jujur serta rasa tanggungjawab dan ia lebih berat kerana dia perlu



membahagikan masa dengan bijak bagi memastikan pelajaran tidak terabai.

Proses pemilihan berlangsung di Dewan Sultan Mizan bermula jam 9 pagi hingga 5.30 petang berjalan lancar dan hampir 60.8 peratus daripada 5,962 penuntut menunaikan tanggungjawab masing-masing.

“Di UMT sendiri terdapat lebih 70 persatuan dan saya percaya sekiranya semua bersatu, suara kami akan lebih didengari dan sesuatu isu yang diperjuangkan lebih mendapat perhatian”

**Mohd Firdaus
Md Sayed**

Penuntut tahun dua,
Fakulti Pengajian Maritim